



بِسْمِ اللّٰهِ الرَّحْمٰنِ الرَّحِيْمِ

KERAJAAN NEGERI KEDAH DARUL AMAN

PEJABAT KEWANGAN DAN PERBENDAHARAAN

NEGERI KEDAH DARUL AMAN

ARAS 3, BLOK E, WISMA DARUL AMAN

05503 ALOR SETAR, KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-702 7795

Laman Web : pkpk.kedah.gov.my

E-mail : pkpk@kedah.gov.my



Ruj.Kami : PPNK.BN 400-2/1/4 (15)

Tarikh : 07 November 2022

SEMUA PEGAWAI PENGAWAL / KETUA JABATAN/PTJ

YB Dato'/ YBhg. SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato' Paduka / YBhg. Datuk / Tuan / Puan,

**TARIKH AKHIR BAYARAN TAHUN 2022 DAN
PENUTUPAN AKAUN KERAJAAN NEGERI TAHUN 2022**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Adalah dimakumkan bahawa tarikh akhir bayaran adalah ditetapkan pada **28 Disember 2022** dan **tiada tempoh Akaun Kena Bayar (AKB) selepas 31 Disember 2022.**
3. Sepertimana ketetapan Surat Pekeliling Kewangan Negeri Kedah Darul Aman Bil. 6 Tahun 2022, tarikh akhir pengeluaran Inden Kerja adalah pada 1 November 2022 manakala Pesanan Tempatan pada 15 November 2022.
4. Bagi memastikan penutupan akaun tahun kewangan 2022 berjalan lancar dan mengurangkan bayaran di bawah AP58(a) semua pegawai pengawal perlu memastikan langkah-langkah berikut diambil sewajarnya;
 - i. Memastikan tiada Inden kerja/pesanan tempatan dikeluarkan selepas tarikh akhir yang telah ditetapkan.
 - ii. Memastikan bekalan/perkhidmatan/kerja dibekalkan/disempurnakan dan invois/ penyata tuntutan dikemukakan sebelum tarikh akhir penyediaan baucar bayaran. Jabatan/PTJ dikehendaki memberi notis awal kepada pembekal/kontraktor supaya mengemukakan segera penyata tuntutan/invois selepas bekalan/perkhidmatan/kerja dibekalkan atau disempurnakan.
 - iii. Jabatan/PTJ diberi kelonggaran AP100 untuk membayar tuntutan perjalanan dan tuntutan elaun lebih masa sebelum 28 Disember 2022 sekiranya tuntutan perjalanan / tuntutan elaun lebih masa bagi bulan Disember telah selesai sebelum 28 Disember 2022. Sekiranya terdapat tuntutan yang belum selesai bayaran hendaklah dibuat pada bulan Januari tahun 2023 sebelum 10 haribulan sepertimana ketetapan AP100.


Ruj.Kami : PPNK.BN 400-2/1/4 (15)
Tarikh : 07 November 2022

- iv. Bayaran rutin bulanan kontrak jangka panjang yang matang sebelum 31 Disember hendaklah dijelaskan sebelum 28 Disember 2022 dan pelarasan semula hendaklah dibuat pada bulan berikutnya. Manakala bayaran yang matang selepas 31 Disember hendaklah menggunakan peruntukan tahun 2023.
 - v. Jabatan hendaklah sentiasa menyemak ketepatan buku vot dan memastikan baki peruntukan adalah berbetulan dan mencukupi.
 - vi. Semua pendaftaran aset yang diperolehi dalam tahun Kewangan 2022 dan tahun sebelum yang belum dilengkapkan pendaftaran hendaklah dilengkapkan dengan segera melalui Sistem iSPEKS
5. Pihak YB Dato'/ YBhg. SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato' Paduka/ YBhg. Datuk / Tuan/ Puan, hendaklah memberi perhatian kepada perakaunan hasil jabatan. Kesemua pungutan hasil tahun 2022 hendaklah dikemaskini di Sistem iSPEKS mengikut ketetapan Peraturan Penutupan Akaun Tahun Kewangan 2022 yang telah dikeluarkan oleh Bendahari Negeri.
6. Sehubungan dengan itu, dimohon pihak YB Dato'/ YBhg. SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato' Paduka / YBhg. Datuk / Tuan / Puan, juga mengambil tindakan segera ke atas teguran audit yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara dan memastikan tiada teguran audit berulang pada tahun 2022.
7. Kerjasama dari pihak YB Dato'/ YBhg. SS Dato' Paduka/ YAA Dato'/ YBhg. Dato' Paduka / YBhg. Datuk / Tuan / Puan, ke atas ini didahului dengan ribuan terima kasih.

Sekian.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"KEDAH SEJAHTERA – NIKMAT UNTUK SEMUA"**

Saya yang menjalankan amanah,


(DATO' HAJI ISAHAK BIN MURAD, DSSS., SDK., AMK., BCK.)
Pegawai Kewangan Negeri
Kedah Darul Aman